



Ruj. Kami : JPA(SARAAN)(S)223/8/2-2 Klt. 3 (47)
Tarikh : 30 September 2010

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan,

PEMANJANGAN PEMBERIAN PINDAHAN DAN ELAUN/ BAYARAN KEPADA WARIS PEGAWAI YANG MENINGGAL DUNIA DALAM PERKHIDMATAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan, Perintah Am 38 Bab B memperuntukkan bahawa seseorang pegawai yang telah memberi perkhidmatan yang sempurna dan bersara mengikut keadaan biasa atau atas syor sebuah Lembaga Perubatan boleh diberi pemberian pindahan dan lain-lain elaun biasa yang boleh dituntut oleh seorang pegawai yang bertukar bagi diri dan keluarganya dari tempat akhir ia berkhidmat ke tempat yang dipilihnya untuk bersara atau di mana-mana sahaja di dalam Malaysia.

3. Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju memanjangkan peruntukan di bawah Perintah Am 38 Bab B tersebut kepada waris pegawai yang meninggal dunia dalam perkhidmatan seperti berikut:

a. Pemberian Pindahan

- bayaran berbentuk *lump sum* diberi berdasarkan gred dan status pegawai sama ada masih bujang atau berkeluarga.

b. Tambang Pengangkutan Awam/ Elaun Perjalanan Kenderaan

- Tambang Pengangkutan Awam dibayar mengikut kelayakan pegawai manakala Elaun Perjalanan Kenderaan dibayar mengikut jarak perjalanan sebenar.

c. Tambang Pengangkutan Barang

- Tambang Pengangkutan Barang dibayar di atas kadar penuh mengikut peraturan dan syarat semasa yang ditetapkan.

4. Pemberian pindahan/ elau ini dilaksanakan menurut peraturan yang dijelaskan di dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 4 Tahun 1995 dan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 3 Tahun 2003 serta pindaannya dari semasa ke semasa.

5. Pemanjangan pemberian pindahan dan elau ini berkuat kuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATO' BASARUDDIN BIN SADALI)
Pengarah Bahagian Saran
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

tel: 03-83164001
email: basar@jpa.gov.my

s.k.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan